

**SOALAN NO: 392**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah kes demam denggi bagi daerah Dungun bagi tahun 2014 dan langkah-langkah pencegahan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes demam denggi di daerah Dungun pada tahun 2014 adalah sebanyak 158 kes.

Langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

1. Menjalankan Operasi Penghapusan Tempat Pembibitan Aedes di kesemua lokaliti kes dan wabak denggi serta lokaliti yang pernah berlaku kes denggi sebelum ini.
2. Melakukan aktiviti Gotong Royong Ayuh Gempur Aedes setiap bulan yang melibatkan jabatan dan agensi lain serta masyarakat setempat.

Gotong Royong Perdana juga dilaksanakan di kemudahan kesihatan dan kawasan sekitar setiap tiga bulan.

3. Melaksanakan Operasi Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 di lokaliti kes dan wabak denggi secara berkala. Selain itu, operasi bersepadu juga dilaksanakan di tapak binaan, tapak semaihan, kedai barang lusuh dan tayar setiap dua bulan.
4. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya denggi melalui aktiviti pendidikan kesihatan secara menyeluruh meliputi edaran risalah, kain rentang, hebahan termasuk sebelum khutbah Jumaat, mewujudkan pondok panas dan memberi ceramah denggi. Di samping itu, program kesedaran juga dilakukan di sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan kerajaan daerah Dungun.
5. Pejabat Kesihatan Daerah Dungun juga bekerjasama dengan lain-lain jabatan dan agensi seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jabatan Pendidikan, Majlis Daerah dan KEMAS dalam menjalankan aktiviti pencegahan terutama apabila berlaku wabak denggi.